



**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

AADK SEDIA BANTU MEREKA TERJEBAK PENAGIHAN DADAH

Susulan tular isu melibatkan remaja lelaki didakwa terlibat permasalahan dadah selepas ditangkap cuba mencuri tabung di sebuah masjid di Rawang, Selangor pada 8 Januari lalu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bersedia membantu merawat pulih mana-mana pihak terjebak dengan penagihan dadah atau substan.

Hasil siasatan polis mendapati remaja berusia 19 tahun itu bertindak mencuri duit tabung masjid dikatakan untuk membeli dadah dan bermain judi dalam talian. Pada masa sama, ujian saringan air kencing yang dijalankan mendapati remaja terbabit positif dadah jenis syabu.

Sehubungan itu, di AADK perkhidmatan rawatan dan pemulihan disediakan menerusi fasiliti sama ada melalui Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), perkhidmatan di daerah, Pusat Khidmat AADK dan Rumah Komuniti AADK.

Ini termasuklah, perkhidmatan rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) yang berdaftar dengan AADK.

Selain itu, AADK turut menyediakan perkhidmatan secara sukarela menerusi PUSPEN atau program pemulihan dalam komuniti yang tidak memerlukan klien berada di dalam PUSPEN.

Lebih Baik Cegah

#DadahTerkawal2025

Semua kemudahan tersebut terbuka kepada warganegara terjejak dengan masalah penagihan dadah yang ingin mendapatkan rawatan sewajarnya.

Pun demikian, AADK berpendapat agensi yang berkaitan juga perlu digerakkan bagi memastikan masalah sosial dan ekonomi remaja terbabit dapat diselesaikan segera agar masalah sama tidak berulang. Justeru, ia memerlukan tindakan secara holistik daripada semua pihak berwajib.

Sehubungan itu, dalam usaha mencapai matlamat Dadah Terkawal 2025, AADK menasihatkan orang ramai supaya tidak terlibat dengan sebarang aktiviti berkaitan pemprosesan, pembekalan, penyeludupan, penjualan dan penagihan dadah.

Sekiranya anda atau orang yang dikenali terlibat dalam permasalahan dadah sila dapatkan bantuan khidmat nasihat daripada Pegawai Pemulihan AADK, hadir ke Pejabat AADK yang berhampiran atau hubungi Hotline AADK di talian **03-8911 2233** atau **019-626 2233**.

-TAMAT-

TUAN SUTEKNO AHMAD BELON
KETUA PENGARAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KAJANG
14 JANUARI 2022
Bil. 2/2022

Lebih Baik Cegah

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



[AGENSANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA](https://www.facebook.com/AGENSANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA)



[AADK.MALAYSIA](https://www.instagram.com/AADK.MALAYSIA)



[AADKMALAYSIA](https://twitter.com/AADKMALAYSIA)



[MIRAADK](https://www.youtube.com/MIRAADK)

HOTLINE AADK

[03-8911 2233](tel:03-89112233)

[019 626 2233](tel:019-6262233)